

# Kebijaksanaan nasihat Seri Paduka panduan bentuk Jemaah Menteri



Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Oleh Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain  
bhrencana@bh.com.my

**Selesai** sudah kelmarin, istiadat pengurniaan surat cara pelantikan dan mengangkat serta menandatangani sumpah jawatan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri Malaysia kesembilan.

Proses pemilihan Perdana Menteri kali ini dibuat begitu teliti Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas Tan Sri Muhyiddin Yassin hilang undi kepercayaan majoriti, apabila 14 ahli Dewan Rakyat daripada UMNO menarik sokongan kepada beliau.

Melihat tiada satu pun parti mahupun perikatan rasmi memiliki kerusi majoriti di Dewan Rakyat, sudah pasti kelangsungan sokongan majoriti kepada Perdana Menteri sehingga Parlimen dibubarkan sukar diberi jaminan.

Hal ini sudah terbukti daripada implikasi pergolakan dalam Perikatan Nasional (PN), meskipun mereka berjaya mengekalkan ahli PN sebagai Perdana Menteri.

Tiada siapa boleh menafikan kejatuhan Muhyiddin disebabkan politik dalaman PN. Sama ada Ismail Sabri mampu memuaskan hati semua pihak dalam PN, hanya masa yang menentukan.

Cabaran awal buat Ismail Sabri ialah pembentukan Jemaah Menteri yang pasti sedang dalam pertimbangan beliau sebagai Perdana Menteri.

Walaupun ada pihak melahirkan rasa tidak senang hati apabila Yang di-Pertuan Agong menahkakan Perdana Menteri mengemukakan usul undi percaya dalam tempoh secepat mungkin ke Dewan Rakyat, hakikatnya itu adalah prerogatif Seri Paduka sebagai ketua negara untuk memastikan keluhuran Perlembagaan terpelihara, lebih-lebih lagi dalam suasana kehidupan ekonomi dan kesihatan rakyat pada ketika ini.

Terdapat dua perkara pokok perlu dijelaskan untuk mengungkap kekeliruan yang ada berhubung keabsahan kedudukan Perdana Menteri di sisi Perlembagaan Persekutuan.

Pertama, pelantikan Perdana Menteri menjadi sah apabila dibuat oleh Seri Paduka menurut budi bicara baginda di bawah Perkara 43(2)(a) iaitu seorang ahli Dewan Rakyat untuk mempengerusikan Jemaah Menteri yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Bagi maksud pelantikan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri setelah berlangsung istiadat kelmarin, tataranya adalah sempurna di sisi Perlembagaan.

Kedua, Perdana Menteri hendaklah mempunyai kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat setelah dilantik untuk melaksanakan fungsi kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong bersama ahli Jemaah Menteri.

Prinsip ini jelas terkandung dalam Perkara 43(4). Seorang Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri jika tidak lagi men-

dapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Sama ada Seri Paduka memperkenankan atau tidak permintaan Perdana Menteri itu untuk membubarkan Parlimen, beliau tidak lagi seorang Perdana Menteri begitu juga ahli Jemaah Menteri.

Seorang Perdana Menteri akan terlucut atau boleh dipecat daripada jawatannya jika Seri Paduka berpuas hati beliau sudah hilang undi kepercayaan di bawah Perkara 43(4) atau hilang kelayakan menurut Perkara 48(1).

Satu perkara yang perlu diperjelaskan di sini, Perkara 43(4) perlu dibaca bersama secara pengharmonian dengan seksyen 29 Jadual Ke-11 Perlembagaan Persekutuan.

Ya berbunyi: "Jika suatu undang-undang bertulis memberi mana-mana orang atau pihak berkuasa untuk membuat pelantikan bagi memegang apa-apa jawatan atau kedudukan, maka melainkan jika terdapat niat berlawanan, kuasa itu hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk kuasa untuk membuang kerja atau menggantung mana-mana orang yang dilantik..."

Jika Perdana Menteri tidak meletakkan jawatan setelah hilang undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat mengikut tatacara yang diperkenankan Seri Paduka, maka Jemaah Menteri bersekali dengan Perdana Menteri dianggap telah meletakkan jawatan atau terlucut.

Dalam hal ini, Seri Paduka boleh mengesahkan peletakan jawatan mahupun pelucutan jawatan Jemaah Menteri di bawah Perkara 43(4) kerana baginda yang melantik Perdana Menteri.

Justeru, apa yang dititahkan Seri Paduka adalah berlandaskan peruntukan di atas dengan ambil kira keberangkalian berlaku krisis dalam pembentukan Jemaah Menteri baharu yang mampu mengulangi insiden penarikan sokongan sesama ahli dalam PN, tidak juga terkecuali Gabungan Parti Sarawak (GPS).

Titah Seri Paduka untuk diadakan sidang undi kepercayaan sebenarnya diiringi nasihat baginda pada sidang menghadap ketua dan wakil parti politik utama pada 17 Ogos lalu. Antara nasihat yang amat berkaitan dengan pasca pelantikan Perdana Menteri:

- Pertama, rakyat tidak wajar dibebani dengan kemelut politik berpanjangan kerana negara sedang bergelut dengan isu kesihatan dan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

- Kedua, ahli Dewan Rakyat perlu mempamerkan solidariti dengan meneruskan ikhtiar, memberikan komitmen tinggi dan perkhidmatan terbaik buat rakyat.

- Ketiga, ahli Dewan Rakyat dapat bersatu hati berusaha mewujudkan perpaduan dan penyatuan semua parti politik dengan memberi fokus kepada isu semasa.

- Keempat, demi mengharmonikan suasana maka ahli Dewan Rakyat yang menang seharusnya menghulurkan tangan untuk bekerjasama dengan pihak yang tidak berjaya dalam satu pasukan, dengan erti yang menang tidak menang semua, manakala pihak kalah pula tidak kalah semua.

Nasihat Seri Paduka jika diterjemahkan dengan pengwujudan kerjasama politik rentas blok sama ada melalui penyertaan dalam Jemaah Menteri, atau jawatankuasa berwibawa pasti dapat mengukuhkan kedudukan Perdana Menteri yang mungkin sedang berhadapan pelbagai tuntutan dalaman PN.

Apa pun istilah digunakan seperti kerajaan perpaduan umpamanya, hanyalah bagi tempoh sehingga Parlimen boleh dibubarkan dengan selamat.

Seungguhnya hal ehwal Jemaah Menteri adalah urusan kerajaan - satu amanah besar - maka pihak berkaitan perlu mengetepikan kepentingan parti buat seketika ini.



Pembentukan Jemaah Menteri yang kukuh membentuk kestabilan politik, seterusnya memacu usaha pemulihan segera ekonomi dan kesihatan di Malaysia yang terjejas akibat COVID-19. (Foto hiasan)

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan SAIDON IDRIS  
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital M THILLINADAN  
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran AZHAR A SAMAH  
azharas@bh.com.my